

20/03/2003

Negara miliki langkah alternatif hadapi peperangan

Mustapa Omar

SAN JOSE (Brazil): Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kerajaan sudah

mengenal pasti beberapa langkah alternatif bagi memastikan ekonomi Malaysia tidak terjejas teruk jika Amerika Syarikat menyerang Iraq.

"Kita memang sudah menjangkakan pembangunan ekonomi akan terjejas jika berlaku perang. Oleh itu, kita sudah berusaha mencari alternatif bagi menjamin ekonomi negara terus berkembang," kata Perdana Menteri tanpa menyebut apakah langkah itu.

Beliau ditanya mengenai tindakan yang akan diambil kerajaan dalam memastikan ekonomi negara tidak terjejas dan persediaan lain jika perang meletus, pada sidang media di akhir lawatan dua harinya ke Brazil, kelmarin.

Dr Mahathir bagaimanapun percaya perang ke atas Iraq masih dapat dielakkan dan berharap ada negara yang mampu memujuk Amerika dan sekutunya pada saat-saat akhir.

Beliau berkata, dalam pertemuannya dengan Presiden Luiz Inacio Lula da Silva, Isnin lalu, pemimpin Brazil itu menyatakan beliau sudah mengutus surat kepada Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi

Annan, supaya diadakan mesyuarat kalangan pemimpin negara yang bukan anggota Majlis Keselamatan.

Katanya, mesyuarat itu perlu supaya pandangan pemimpin berkenaan turut diambil kira dalam menangani pelbagai isu, khususnya krisis Amerika-Iraq, keganasan dan isu semasa lain.

"Jika Annan bersetuju, kita masih berpeluang melakukan sesuatu untuk mengelakkan perang. Malaysia sejak dulu lagi menolak peperangan sebagai jalan penyelesaian apabila berlaku sebarang krisis," katanya.

Sebelum itu, Perdana Menteri dibawa meninjau operasi syarikat pengeluar

pesawat komersial dan tentera, Embraer serta syarikat yang terbabit membekalkan peralatan ketenteraan, Avibras Aeroespacial, di sini.

Embraer yang ditubuhkan pada 1969 adalah antara empat syarikat pengeluar

pesawat terbesar dunia yang mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam mereka bentuk, mengeluarkan dan menjual pesawat untuk tujuan komersial dan pertahanan.

Avibras pula sudah membekalkan 18 pelancar ASTROS II atau Artillery Saturation Rocket System dan roket jenis SS-60 dan SS-80 kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dengan kos RM791 juta. ATM sudah mengadakan demonstrasi melancarkan 48 roket berkenaan di Lumut, Perak, baru-baru ini.

Dr Mahathir berkata, kedua-dua syarikat itu memiliki teknologi canggih dalam bidang masing-masing setara dengan beberapa syarikat pengeluar senjata dan pesawat komersial serta ketenteraan yang pernah dilawatnya sebelum ini.

Mengenai hasil lawatannya ke Brazil, Perdana Menteri berpuas hati

kerana

dalam perbincangannya dengan Presiden Lula, mereka sependapat bahawa hubungan antara kedua-dua negara perlu dikukuhkan lagi.

"Kami percaya perdagangan antara Malaysia dan Brazil dapat ditingkatkan

dan diperluaskan lagi. Kita perlu mengenal pasti banyak lagi barangan yang

boleh dibeli dari Brazil, bukan sekadar peralatan ketenteraan," katanya.

Beliau juga berkata, walaupun jarak antara kedua-dua negara agak jauh, mungkin ada di kalangan rakyat Malaysia yang berminat melancong ke Brazil

kerana negara itu menarik untuk dikunjungi.

"Saya baru-baru ini ke Amazon dan saya dapati kawasan berkenaan sungguh

menarik. Di situlah Malaysia memperoleh pokok getah pertamanya. Memang menarik dapat melihat pokok getah tumbuh liar di kawasan hutan berkenaan,"

katanya.